

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Ruj. (77)dIm.KKM-82/2/6

24 hb Februari, 1987

Pengarah,
Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan,
Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,
Sabah/Sarawak.

Pengarah Yayasan Persekutuan.


SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.2/1987

Pemberian Cuti Sakit Bagi Tempoh Yang Panjang

Saya perhatikan beberapa pesakit telah diberi cuti sakit bagi tempoh yang agak panjang, dari 3 - 6 bulan. Saya tidak bertujuan menyoal kewibawaan orang-orang yang memberi cuti sakit, tetapi apa yang harus diingat adalah tidak mungkin seseorang itu dapat mengetahui dengan tepat kedudukan sebenar kesihatan seseorang pesakit itu kecuali ia diperiksa atau dinilai semula. Pemberian cuti sakit yang agak panjang seperti 3 - 6 bulan nampaknya adalah bercanggah dengan hakikat ini.

2. Dengan ini tuan adalah diminta menasihatkan pegawai-pegawai yang berkenaan agar lebih berhati-hati apabila memberi cuti sakit. Sebagai panduan had maksima cuti sakit setiap kali diberi hendaklah tidak melebihi satu bulan. Selepas itu pesakit hendaklah dinilai semula dan jika perlu cuti sakitnya disambung tidak melebihi satu bulan lagi dan seterusnya.
3. Cuti sakit yang dimaksudkan disini adalah cuti sakit bagi pesakit-pesakit luar atau pesakit-pesakit yang dikeluarkan dari hospital.

Saya yang menurut perintah,


Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: YB Menteri Kesihatan.
YB Timbalan Menteri Kesihatan
YB Setiausaha Parlimen
YB Ketua Setiausaha
Semua Ketua Bahagian
Pegawai Kanan Perhubungan Awam